

Tun M: Terima kasih Anwar Ibrahim

SelangorKini.my

Januari 7, 2018

SHAH ALAM, 7 JAN: Tun Dr Mahathir Mohamad berterima kasih dan terhutang budi kepada Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana sudi bekerjasama demi menyelamatkan Malaysia.

Pengerusi Pakatan Harapan itu berkata, pastinya tidak mudah kedua-dua tokoh yang satu ketika pernah mentadbir negara bersama berjabat tangan dengan apa yang berlaku kini khususnya apabila Anwar dipenjarakan di Sungai Buloh.

“Saya sedar semasa saya memerintah Anwar dihantar ke Sungai Buloh. Bukan mudah untuk kita berjabat tangan.

“Keluarganya juga merasai tekanan Anwar masuk sebagai tahanan. Untuk melupakan peristiwa ini bukan mudah namun demikian mereka dapat belakangkan sedikit apa yang berlaku dan mengutamakan masalah dihadapi sekarang ini.

“Saya terhutang budi dan ucap terima kasih kepada Anwar kerana sanggup bekerjasama dengan pasukan termasuk diri saya untuk menyelamatkan negara bertuah ini,” katanya.

Anwar pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri ketika era pentadbiran Tun Mahathir sebelum dipecat pada 1998.

Pada tahun 1999, beliau telah dijatuhi hukuman penjara selama enam tahun kerana didapati bersalah atas kesalahan penyalahgunaan kuasa.

Kesan daripada itu wujudnya gerakan Reformasi yang ditunjangi Anwar dan sehingga kini menjadi laungan keramat parti KEADILAN.

Tetapi sejarah tercipta pada 5 September 2016 apabila kedua-dua pemimpin akhirnya berjabat tangan buat kali pertama selepas 18 tahun apabila Tun Mahathir hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dipercayai untuk memberi sokongan moral terhadap Anwar yang menfailkan injunksi sementara bagi menghalang penguatkuasaan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2016.

© Copyright 2016 - Developed for the People of Selangor

Source: <https://selangorkini.my/2018/01/tun-m-terima-kasih-anwar-ibrahim/>